

SH 16/1/2019 m/s 34

# Guna bubu lebih jimat, selamat

MARANG - Selain pukat, bubu turut digunakan untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan kerana peralatan itu mampu meningkatkan hasil tangkapan, malah selamat untuk ekosistem.

Kelebihan itu mendorong kebanyakan nelayan menghasilkan sendiri bubu bagi menjimatkan kos kerana bubu yang telah siap, dijual pada harga agak tinggi.

Ketua Sukarelawan Perikanan (Super) Mercang, Mohd Nasir Salleh berkata, aktiviti membuat bubu dilakukan ketika tengkujuh kerana nelayan tidak turut ke laut dan dilakukan secara bergotong-royong.

"Walaupun pembuatan bubu ini agak rumit dan perlu dibuat dengan teliti, tetapi hasil yang diperoleh jika buatnya sendiri adalah lebih memuaskan hati," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohd Nasir berkata, dia memerlukan sekurang-kurangnya 100 biji bubu dan bubu yang dihasilkan mampu bertahan lebih tiga bulan jika tidak dicuri atau rosak kerana pukat tunda.

"Namun risiko hasil tangkapan dicuri sangat tinggi bila ada nelayan yang mahu dapat hasil mudah, selain ancaman pukat tunda turut merosakkan bubu nelayan," katanya.

Menurutnya, penggunaan bubu

**Walaupun pembuatan bubu ini agak rumit dan perlu dibuat dengan teliti, tetapi hasil yang diperoleh jika buatnya sendiri lebih memuaskan hati."**

- Mohd Nasir

juga adalah digalakkan kerana ia mesra alam dan lebih menguntungkan kerana nelayan dapat jimat sehingga RM1,000 sekiranya menghasilkan sendiri 100 bubu.

Dalam pada itu, Mohd Nasir

berkata, dia sudah mula keluar ke laut semula hari ini selepas berehat panjang kerana keadaan cuaca dan laut semakin baik, namun kerja-kerja membuat bubu masih berjalan seperti biasa.



Mohd Nasir (belakang, kanan) bersama rakan menghasilkan sendiri bubu.